

Halang bot Kenka ceroboh pesisir pantai

UM 05/02/24 mlj 37

PARIT BUNTAR: Nelayan Daerah Kerian menggesa pihak berkuasa meningkatkan operasi bagi mencegah pencerobohan aktiviti bot Kenka di kawasan pesisir pantai di sini.

Nelayan mendakwa, bot Kenka tidak mengikut peraturan ditetapkan terutama saiz mata pukat yang memerangkap dan membunuh anak ikan.

Wakil nelayan di sini, Saad Samsi, 73, berkata, isu bot Kenka bukan perkara baharu yang menjadi keresahan nelayan kerana aktiviti bot itu melanggar peraturan yang ditetapkan.

Menurutnya, bot Kenka sepatutnya beroperasi antara pukul 6 pagi hingga 6 petang, namun didapati beroperasi tanpa mengira masa.

“Mereka menjalankan penangkapan ikan di kawasan pesisir pantai iaitu di bawah 8 batu nautika yang dibenarkan dan menggunakan pukat serta aksesori di luar had dibenarkan Jabatan Perikanan.

“Difahamkan pukat digunakan sepatutnya mengikut mata saiz ditetapkan namun mereka menggunakan saiz mata kecil yang dilarang penggunaannya.

“Aksesori pukat pula sepatutnya menggunakan batu ladung seberat 48 kilogram tetapi kebanyakannya melanggar syarat penggunaannya sehingga 120 kilogram,” katanya di sini semalam.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Radzi Said, 53, berkata, ramai nelayan bot kelas A kecewa kerana kerajaan masih belum menghentikan operasi bot Kenka yang sepatutnya pada 2016.

“Apa yang kami dengar penggunaan bot Kenka ini dilanjutkan tempohnya hingga 2030. Kami kecewa kerana bot Kenka masih dibenarkan beroperasi,” katanya.